

# Keamanan Menurut Al-Quran dan Hubungannya dengan Filantropi Islam

Faezy Adenan, Asmak Ab Rahman\*

*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

\*Pengarang Penghubung  
asmak@um.edu.my

Received: 3 December 2020

Accepted: 7 February 2021

Online First: 10 March 2021

## ABSTRAK

*Keamanan merupakan suatu yang sangat penting dibincangkan pada masa kini memandangkan terlalu banyak berlaku perang, kekacauan dan ketidakamanan di seluruh dunia. Islam merupakan agama yang sangat mementingkan keamanan dan menolak segala bentuk keganasan. Terma “keamanan” banyak dinyatakan dalam al-Quran. Kajian ini bertujuan mengenalpasti lafaz-lafaz yang berkaitan keamanan yang terdapat dalam al-Quran dan merujuk kepada pandangan para mufassirin terhadap lafaz-lafaz tersebut. Seterusnya, kajian ini ingin melihat kaitan keamanan dengan bidang filantropi Islam. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan bagi pengumpulan data dan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa terma yang digunakan dalam al-Quran yang membawa maksud keamanan. Kajian juga mendapati bahawa keamanan mempunyai hubungan yang sangat signifikan terhadap bidang filantropi Islam.*

**Kata kunci:** *Al-Quran, Islam, Keamanan, Mufassirin, Filantropi*



Copyright© 2021 UiTM Press.  
This is an open access article  
under the CC BY-NC-ND license

**PENERBIT** PRESS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# **Peace According to the Quran and Its Relationship with the Islamic Philanthropy**

## **ABSTRACT**

*Peace is a critical issue to be discussed nowadays as there are too many wars, chaos and unpeaceful around the world. Islam is a religion that prioritises peace and rejects all forms of violence. The term “peace” is often repeated in the Quran. This study seeks to identify phrases in the Quran relating towards peace and to present the views of quranic commentaries (mufassirin) regarding these phrases. This study aims to examine the relationship of peace with the field of Islamic philanthropy. The methodology adopted in this study is based on data compiled from library research for data collection and the data is analysed using content analysis. The results show that there are several terms used in the Quran that carry the meaning of peace. The study also found that peace has a very significant relationship to the field of Islamic philanthropy.*

**Keywords:** *Al-Quran, Commentaries, Islam, Peace, Philanthropy*

## **PENDAHULUAN**

Islam dengan pengertian epistemologi memiliki makna penyerahan diri, pasrah, patuh dan tunduk kepada Allah SWT. Ia adalah agama yang membawa kemaslahatan bagi pengikutnya sama ada di dunia maupun di akhirat. Menjadi Muslim yang sempurna merupakan suatu kenikmatan besar seperti mana firman Allah SWT yang bermaksud:

*Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

(Ali ‘Imran: 85)

Islam telah menjelaskan keamanan yang tulen hanya dapat menjadi realiti apabila keadilan dapat ditegakkan di muka bumi ini. Dalam konteks dunia masa kini, persaingan senjata sebenarnya telah mencetuskan ketidakadilan yang memungkinkan perang berlaku di mana-mana

dan pada bila-bila masa sahaja. Media massa Barat sering melaporkan orang Islam dikaitkan dengan pengganas. Laporan bersifat *bias* Barat juga sering melabelkan Islam sebagai agama keganasan yang tidak memberikan kebebasan kepada penganutnya, dan Islam telah dikuasai Muslim yang bersifat radikal (Miller, 2015).

Persoalannya, adakah benar Islam merupakan agama yang menganjurkan keganasan atau Islam itu sinonim dengan keganasan seperti yang didakwa oleh laporan media Barat tersebut? Adakah semua keganasan yang dilakukan di dunia ini dilakukan oleh orang Islam sahaja? Bagaimana pula keadaannya seperti negara Myanmar, pembunuhan beramai-ramai etnik Rohingya yang beragama Islam yang dibunuh oleh mereka yang beragama Buddha sebagaimana laporan yang dikeluarkan oleh BBC Indonesia dan lain-lain media massa? (BBC News, 2016; Al-Jazeera, 2017). Dunia seolah-olah diam seribu bahasa tidak menyatakan bahawa itu adalah keganasan yang dilakukan oleh bukan Islam.

Walaupun begitu, tidak dinafikan, wujudnya golongan-golongan pelampau dalam setiap agama. Golongan ini selalu dikaitkan dengan sesuatu agama, sedangkan setiap agama di dunia ini melarang keganasan dan kekacauan. Oleh itu, kajian ini ingin membuktikan bahawa agama Islam sebenarnya adalah agama yang mendukung keamanan serta menentang sebarang bentuk keganasan yang dilakukan.

Islam mewajibkan umatnya dan negara Islam untuk menjaga keamanan, kemerdekaan dan perpaduan negara. Kewajipan ini diperkuatkan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

(Al-Hujurat 49: 10)

Ayat di atas jelas menggalakkan supaya umat Islam memainkan peranan bagi menamatkan dengan segera sebarang pertikaian yang terjadi. Bagi konteks persengketaan antara negara pula, negara-negara Islam boleh menjadi perantara dan pendamai antara kedua negara yang bersengketa

tersebut. Peranan ini sangat besar kesannya, sekiranya perdamaian dapat diperoleh, persengketaan dan peperangan dapat dielakkan dan masyarakat awam juga dapat hidup dengan aman dan bahagia. Namun sekiranya perdamaian tidak dapat dicapai. Negara yang ingkar dan menolak perdamaian tersebut boleh diperangi dan memaksanya patuh kembali kepada kebenaran.

Di sini dapat dilihat bahawa Islam adalah agama yang mencintai keamanan dan itulah sebenarnya konsep kepada ajaran Islam yang bencikan keganasan dan peperangan tetapi menjurus ke arah keamanan dan kesejagatian umat manusia keseluruhannya. Umat Islam mesti mencari jalan dan memperkenalkan Islam kepada orang bukan Islam serta menonjolkan Islam sebagai satu agama yang menyukai keamanan dan bukan peperangan dan keganasan. Namun, tumpuan media kerap tertumpu kepada tindakan keterlaluan dan tanpa rasa tanggungjawab yang dilakukan oleh golongan ekstrimis Islam. Perkara ini telah memberikan gambaran buruk terhadap Islam dan penganutnya.

Justeru, kajian ini ingin melihat pandangan para mufassirin (pentafsir al-Quran) terhadap lafadz yang merujuk kepada maksud keamanan dan kesejahteraan dalam al-Quran, seterusnya ingin melihat kaitannya dengan bidang filantropi Islam.

## **KAJIAN LITERATUR**

Sayyid Qutb (1995) antara sarjana awal yang membincangkan tema keamanan menurut Islam. Beliau membincangkan konsep asas keamanan yang dibawa oleh Islam. Menurut beliau, keamanan adalah bermula dengan keamanan dalam diri atau ketenangan jiwa, keamanan masyarakat, negara dan dunia. Individu yang aman akan membawa kepada masyarakat yang aman. Masyarakat yang aman pula akan membawa kepada negara yang aman dan jika seluruh negara aman, dunia juga akan aman.

Manakala kajian Crow (2005) melihat konsep keamanan dalam al-Quran dan al-Hadith di mana kajian ini memfokuskan kepada konsep peperangan dan jihad yang sebenar dalam Islam. Namun kajian ini tidak menghuraikan lafadz-lafadz tersebut secara terperinci yang disebutkan dalam al-Quran.

Kajian oleh Nazar et al. (2014) pula memfokuskan konsep keamanan menurut al-Quran dan al-Hadith, namun tidak membincangkan secara terperinci berkaitan lafaz yang merujuk kepada maksud keamanan. Penulisan yang diketengahkan hanyalah menekankan konsep keadilan, kerjasama dan toleransi dengan penganut agama lain yang akan membawa kepada keamanan menurut al-Quran dan al-Hadith, tanpa menjelaskan terlebih dahulu lafaz-lafaz yang berkaitan tentang keamanan.

Youssef Mezrigui (2015) pula mengkaji prinsip-prinsip keamanan dalam Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Kajian ini mendapati bahawa antara prinsip-prinsip keamanan dalam Islam ialah kesucian hidup manusia, hak untuk kebebasan beragama, menangani orang dengan lembut dan memperlakukan mereka dengan adil serta menjaga keamanan dunia. Islam adalah agama kesederhanaan dan berkenalan dengan bangsa lain. Walaupun begitu, kajian berkaitan lafaz-lafaz yang berkaitan dengan keamanan tidak dibincangkan oleh penulis kerana hanya memfokuskan prinsip-prinsip keamanan dalam Islam.

Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan kajian tentang keamanan menurut Islam adalah berkaitan tentang konsep dan prinsip keamanan dalam Islam. Justeru kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti lafaz-lafaz yang berkaitan tentang keamanan melalui lafaz *al-salām* dan *al-amn*. Skop kajian ini hanya memfokuskan dua perkataan tersebut yang terdapat dalam ayat al-Quran dan melihat tafsiran para *mufassirin* mengenai maksud perkataan dan ayat tersebut. Seterusnya kajian ini juga mengkaji hubungan keamanan dengan bidang filantropi Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bersifat kualitatif. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan bagi pengumpulan data dan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Sorotan berkaitan keamanan dalam al-Quran dikenal pasti berdasarkan pangkalan data elektronik seperti *Web of Science*, *Scopus*, *Science Direct* dan *JSTOR* yang digunakan dalam mencari bahan dan maklumat berkaitan. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kandungan serta analisis deduktif terhadap terma-terma yang digunakan dalam al-Quran berkaitan dengan keamanan.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan analisis tematik di mana perkataan-perkataan yang memfokuskan kepada tema keamanan telah dianalisis.

## DAPATAN DAN ANALISIS

### Definisi *Al-Salām* dan *Al-Amn*

Keamanan dalam al-Quran dinyatakan berdasarkan dua lafadz iaitu *السلام* (*al-salām*) dan juga lafadz *الأمن* (*al-amn*). Secara umumnya, *al-salām* bermaksud keamanan, kedamaian, keharmonian, keselamatan, memberi salam, ucapan selamat dan ucapan salam (Jumhūriyyah Misr al-‘Arābiyyah, 2004). Manakala *al-amn* pula bermaksud keselamatan, keamanan, keharmonian, jaminan, dan amanah (Jumhūriyyah Misr al-‘Arābiyyah, 2004). Perkataan Islam juga berasal daripada perkataan *سلام* (*salām*) yang bermaksud keamanan dan kedamaian dan keselamatan. Oleh itu, barang siapa yang memeluk Islam maka dia akan aman dan selamat (Jumhūriyyah Misr al-‘Arābiyyah, 2004).

Berdasarkan Mu‘jam Tahzīb al-Lughah (2001), *al-salām* berasal dari perkataan سلام seperti mana dalam firman Allah SWT dalam surah al-An‘ām ayat 127 iaitu ﴿أَلْهُمْ دَارُ السَّلَامِ عَنْ رَبِّهِمْ﴾. Manakala, Abu Ishāq pula menambah dengan menyatakan bahawa bagi orang-orang mukmin terdapat syurga *Dār al-Salām*. Sebahagian yang lain pula menyatakan bahawa *السلام* (*al-salām*) di sini merujuk kepada nama Allah SWT seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Hashr ayat 23 iaitu ﴿الْقُوَسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ﴾. Manakala *al-amn* pula merupakan kata nama *أَمْن* – يَأْمُنْ yang bermaksud harmoni dan sejahtera (Abu Mansūr, 2001). Sebahagian pendapat menyatakan bahawa seseorang selamat daripada musuh kerana keimanannya.

Selain itu, berdasarkan Mu‘jam Lisan al-‘Arab (1993), lafadz *al-salām* ini berasal dari السَّلَامَةُ، سَلَامًا وَسَلَامَةً، iaitu سَلَمٌ يَسْلُمُ سَلَامًا وَسَلَامَةً. Sebahagian menyatakan ia merujuk berkaitan tentang syurga iaitu *Dar al-Salām* iaitu suatu tempat yang selamat daripada kejahanan dan kerosakan. Manakala, سَلَمٌ merujuk kepada السَّلَامَةُ السَّلَامُ iaitu selamat dan harmoni. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa *al-salām* ialah selamat daripada kejahanan dan dosa serta ia merupakan perintah yang perlu dilaksanakan. Manakala, lafadz *al-amn* merujuk kepada الأَمَانُ والأَمَانَةُ yang bermaksud keamanan dan

harmoni (Ibn Manzūr, 1993). Perkataan lawan bagi الْأَمْن (*al-amn*) adalah الخوف iaitu ketakutan dan huru hara.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa lafaz *al-salām* dan *al-amn* ini membawa maksud yang sama iaitu keamanan, kesejahteraan, keharmonian dan kedamaian walaupun berdasarkan penggunaan dua lafaz yang berbeza-beza.

### **Analisis Lafaz *Al-salām* dan *Al-Amn***

Lafaz *al-salām* membawa beberapa makna yang berbeza. Antaranya merujuk kepada nama daripada nama-nama Allah SWT, maksud yang kedua adalah syurga, maksud ketiga ialah Islam, seterusnya adalah ucapan salam sejahtera (ucapan Assalamualaikum), maksud kelima keamanan dan keselamatan (Majma' al-Lughah al-'Arabiah, 1988).

Bagi tujuan analisis, topik perbincangan ini akan menggunakan maksud lafaz yang merujuk kepada keamanan dan kesejahteraan dan bagi setiap maksud tersebut kajian menggunakan satu atau dua ayat sahaja yang sangat signifikan bagi menunjukkan dan merujuk kepada maksud yang ingin dijelaskan.

#### ***Al-Salām* dengan maksud keamanan dan keselamatan**

Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menjelaskan lafaz *al-salām* dengan maksud keamanan, ketenangan dan keselamatan iaitu dalam surah Hud:48, al-Hijr:46, Qaf:34, Maryam:33, Taha:47, al-Anbiyā':69, Al-Māidah:16 (Majma' al-Lughah al-'Arabiah, 1988). Firman Allah SWT yang bermaksud:

*Allah berfirman: Wahai Nuh! Turunlah (dari bahtera itu) dengan selamat dan berkat dari Kami kepadamu dan kepada umat-umat yang bersama-sama mu. Dan (dalam pada itu) ada umat-umat dari keturunan mereka yang Kami akan beri kesenangan kepadanya (dalam kehidupan dunia), kemudian mereka akan dikenakan azab dari Kami yang tidak terperi sakitnya.*

(Hud 11: 48)

Menurut al-Qurṭubī (2006) dan al-Shaukānī (1993) lafaz ﴿سَلِّمْ مَنْ﴾ bermaksud dengan selamat dan aman. Ayat ini bermaksud Allah SWT berkata kepada Nabi Nuh AS: ‘turunlah ke bumi dengan rasa selamat dan aman kerana air banjir sudah kering. Al-Ṭabarī (1999) pula berkata turunlah daripada kapal ke bumi, ﴿سَلِّمْ مَنْ﴾ dengan selamat daripada kami ke atas kamu dan orang yang bersama kamu daripada kebinasaan. Firman Allah SWT dalam ayat yang lain maksudnya:

*Mereka dipersilakan oleh malaikat dengan berkata): Masuklah kamu ke dalamnya dengan selamat sejahtera serta beroleh aman.*  
(Al-Hijr 15: 46)

Selain itu, menurut Ibn Kathīr (1997) dalam ayat ini Allah SWT menyebut perihal keadaan ahli-ahli syurga. Lafaz ﴿أَكْلُوْهَا سَلِّمْ﴾ bermaksud selamat daripada segala kerosakan atau kebinasaan, manakala lafaz ﴿أَمِنِيْنَ﴾ bermaksud aman sejahtera daripada segala ketakutan dan yang menakutkan.

Manakala, al-Qurṭubī (2006) berkata ﴿مِلْسَبْ نِيْنَمَاء﴾ bermaksud selamat daripada segala penyakit yang membawa kematian, sementara lafaz ﴿سَلِّمْ أَمِنِيْنَ﴾ bermaksud aman daripada kematian dan azab.

Di samping itu, al-Ṭabarī (1999) pula menafsirkan maksud ayat ini adalah Allah SWT menyeru ahli syurga memasuki syurganya dengan rasa selamat dan aman daripada seksaan Allah SWT. Adapun menurut al-Shaukānī (1993), lafaz ﴿أَكْلُوْهَا سَلِّمْ﴾ bermaksud syurga, manakala lafaz ﴿أَمِنِيْنَ﴾ dalam ayat ini bermaksud dengan selamat daripada kerosakan dan aman daripada ketakutan.

Selain itu, terdapat juga ayat-ayat yang mempunyai lafaz *al-salām* yang membawa maksud perdamaian dan meninggalkan perang sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Baqarah: 208, al-Anfāl: 61, Muhammad: 35. Contohnya Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya; dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata.*

(Al-Baqarah 2: 208)

Perkataan السلم dalam ayat ini bermaksud keamanan yang berlawanan dengan istilah peperangan (*harb*) daripada zahir maknanya. Ini menjadikan ayat ini sebagai seruan kepada orang Mukmin supaya bersama-sama mencapai keamanan dan tidak berpaling daripadanya. Selain itu, dijelaskan juga perkataan السلم yang membawa maksud agama Islam itu sendiri iaitu “masuklah kamu ke dalam cabang-cabang Islam secara menyeluruh sama ada dari segi akidah, ibadat, muamalat, akhlak dan undang-undang.” Ia bererti, manusia masuk ke dalam keamanan yang hakiki iaitu keamanan diri, keluarga, masyarakat dan seluruh umat manusia (Al-Qaradhawi, 2009).

Ibn Abbas dan ahli tafsir daripada golongan salaf merekodkan, keduanya kalimah ini membawa maksud yang sama. Tiada larangan menggunakan kedua-dua makna tersebut menurut ayat di atas. Lafaz tersebut meliputi makna yang luas seperti yang dituntut oleh Islam. Selain itu, lafaz ini merujuk kepada maksud memohon keamanan dengan melaksanakan perintah-perintah Allah SWT dan ikhlas kepadaNya dengan meninggalkan pertelingkahan, pembunuhan, dan peperangan sebagai petunjuk kepada mereka yang mendapat hidayah. Mereka berpegang dengan tali Allah SWT yang meliputi aspek perdamaian dan perjanjian sesama manusia (Al-Qaradhawi, 2009).

Selain itu, seseorang yang telah memeluk agama Islam dan melaksanakan syariat-syariat Islam, dia telah berada di puncak kenikmatan yang meliputi ketenangan, keamanan dan ketenteraman hidup (Nazar et al., 2014). Allah SWT berfirman:

*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

(Al-Maidah 5: 3)

Ibn Kathīr (1997) menafsirkan maksud ayat tersebut sebagai nikmat yang paling besar kepada umat, di mana Allah SWT telah menyempurnakan agama bagi umatnya. Manusia tidak lagi berhajat kepada agama selain Islam,

dan tidak berhajat kepada nabi lain. Dengan itu Allah SWT telah menjadikan Islam sebagai agama penutup kepada para nabi yang diutuskan kepada seluruh manusia dan jin, tidak halal kecuali apa yang telah dihalalkannya (Nabi Muhammad SAW), tidak haram kecuali telah diharamkannya dan tiada agama kecuali telah disyariatkannya dan setiap apa yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW adalah benar.

Manakala, al-Qurtubī (2006) menyatakan bahawa ayat <sup>وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا</sup> bermaksud bahawa Allah SWT telah reda dengan Islam yang kamu anuti. Selain itu, al-Shaukānī (1993) menjelaskan bahawa ayat ini merujuk kepada maksud bahawa sesungguhnya Allah SWT sentiasa meredai umat Nabi Muhammad SAW dengan agama Islam.

## **Analisis Lafaz Al-Amn Dalam Al-Quran**

Setelah analisis dilakukan terhadap lafaz *al-amn*, dapat dijelaskan bahawa maksud lafaz ini membawa kepada maksud keamanan:

### **Al-Amn yang bermaksud keamanan dan ketenangan**

Terdapat beberapa ayat al-Quran yang membawa maksud keamanan dan ketenangan iaitu dalam surah al-A‘rāf: 97, 98, 99, al-Nahl: 45, Yusuf: 99, al-Hijr: 46, 82, al-Syu‘arā’: 147, al-Qasas: 31, Saba’: 18, 37, al-Dukhan: 55, al-Fath: 27, al-Baqarah: 125, 196, 239, al-Isrā’: 68, 69, al-Mulk: 16, 17, al-A‘rāf: 99, Yusuf: 107, Quraish: 4, Ali-‘Imrān: 97, 104, Fuṣṣilat: 40, al-Naml: 89, al-Anfāl: 11, al-Nūr: 55, al-Nisā’: 83, al-An‘ām: 81, 82 (Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiah, 1988). Sebagai contoh Allah SWT berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

*Maka ketika mereka (Nabi Yaakub dan keluarganya) masuk (ke Mesir) menemui Yusuf, Yusuf segera menyambut serta memeluk kedua ibu bapanya, sambil berkata: “Masuklah kamu ke negeri Mesir; insya Allah kamu berada di dalam aman.*

(Yusuf 12: 99)

Ibn Kathīr (1997) menyatakan bahawa ketika Nabi Ya‘qub AS datang kepada Nabi Yusuf AS di negeri Mesir, Nabi Yusuf AS memberitahu kepada saudara-saudaranya supaya membawa ahli keluarga mereka yang lain ke

negeri Mesir. Ayat ini (Yusuf merangkul ibu bapanya dan dia berkata: “Masuklah kamu ke negeri Mesir, insyaAllah dalam keadaan aman) bermaksud Nabi Yusuf AS memeluk kedua ibu bapanya, dan mengangkat mereka berdua ke atas singgahsananya. Manakala Ibn Jarir pula berkata daripada riwayat al-Sidi, bahawa Nabi Yusuf AS memeluk kedua ibu-bapanya ketika dia bertemu dengan mereka, kemudian apabila sampai di pintu masuk negara, Nabi Yusuf AS berkata kepada mereka: (Masuklah kamu ke negeri Mesir, insyaAllah dalam keadaan aman) (Ibn Kathīr, 1997).

Selain itu, menurut al-Tabarī (1999), ketika Nabi Ya‘kub AS, anak-anaknya dan saudara-maranya kepada Nabi Yusuf AS, Nabi Yusuf AS memeluk kedua ibu bapanya dan berkata (Masuklah kamu ke negeri Mesir, insyaAllah dalam keadaan aman).

Di samping itu, al-Qurṭubī (2006) pula berkata lafaz **إِنْ شَاءَ اللَّهُ أَمْنًا** bermaksud mendapat keberkatan daripada Allah SWT **عَامِنِينَ** bermaksud selamat daripada kemarau atau daripada Firaun. Mereka tidak akan masuk ke negeri Mesir kecuali dengan izin daripada Nabi Yusuf AS.

Seterusnya dalam ayat yang lain Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mereka lah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

(Al-An‘am 6: 82)

Justeru itu, al-Jalālayn (2001) menyebut **الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلِسُوْا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ** bermaksud tidak mencampurkan keimanan dengan kezaliman, menurut Sahih Bukhari dan Muslim kezaliman bermaksud kemosyrikan. Ayat **أُولَئِكَ لَهُمُ الْآمِنُونَ** bermaksud aman daripada siksaan Allah SWT.

Al-Tabarī (1999) pula mengatakan maksud ayat adalah, mereka orang-orang yang beriman dan tidak mencampurkan iman mereka dengan syirik kepada Allah SWT, mereka akan beroleh keamanan iaitu, keamanan pada hari kiamat daripada azab Allah SWT, dan mereka akan mendapat petunjuk jalan yang lurus dan jalan kejayaan. Dalam ayat yang lain juga Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan.*

(Quraysh 106: 4)

Menurut al-Jalālayn (2001), maksud ayat agar agar **الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِّنْ جُوعٍ** mereka tidak kelaparan, **وَأَمْنَهُمْ مِّنْ خَوْفٍ** dan mengamankan mereka daripada ketakutan, ertiaya supaya mereka tidak lagi berasa takut. Hal ini kerana mereka sering mengalami kelaparan, kerana di Mekah tiada tempat untuk mereka bercucuk tanam, dan mereka juga pernah dicengkam oleh perasaan takut seperti ketika tentera bergajah datang kepada mereka untuk menghancurkan Kaabah.

Ibn Kathīr (1997) menyatakan ayat ini bermaksud Allah SWT memberikan ke atas orang Quraish keamanan dan memberi kemudahan untuk beribadah kepadaNya dan tidak menyekutukanNya. Keamanan dalam ayat ini bermaksud aman di dunia dan aman di akhirat.

Al-Tabarī (1999) pula mengatakan maksud ayat **الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِّنْ جُوعٍ** iaitu yang memberi makanan kepada orang Quraish daripada kelaparan. Manakala maksud ayat **وَأَمْنَهُمْ مِّنْ خَوْفٍ**, iaitu mengamankan mereka daripada ketakutan penduduk Mekah daripada serbuan, perangan dan pembunuhan.

Oleh itu, jelas di sini bahawa terma yang digunakan khusus kepada maksud keamanan ialah lafaz *al-salām* dan *al-amn*. Ini menunjukkan bahawa secara langsung dapat difahami bahawa mesej-mesej keamanan banyak dibincangkan di dalam al-Quran yang merupakan panduan utama kepada umat Islam. Justeru jelaslah di sini, agama Islam merupakan agama yang cintakan kepada keamanan dan menyuruh ke arah keamanan.

## Konsep Filantropi Islam

Terma filantropi merupakan gabungan dua suku kata bahasa Greek: *philan* dan *thropia* yang membawa maksud cinta dan sayang kepada manusia (Johnson, 1979). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), filantropi bermaksud rasa kasih sayang terhadap manusia, kedermawanan. Dengan kata lain ia membawa maksud perasaan kasih dan sayang sehingga seseorang itu sanggup menyumbangkan harta miliknya sama ada dalam

bentuk wang ringgit, masa, tenaga dan sebagainya untuk membantu orang lain (Razali, 2017).

Bentuk kasih sayang menurut filantropi Islam sinonim dengan sikap kedermawanan. Allah SWT sangat menyukai dan menggalakkan hambaNya bersikap dermawan dengan membelanjakan harta kekayaan yang dimiliki untuk kebijakan dan kebaikan kepada orang lain yang memerlukan. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menunjukkan kelebihan orang-orang yang mendermakan hartanya pada jalan Allah SWT. Antaranya ialah Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.*

(Al-Baqarah 2: 261)

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami betapa hebatnya ganjaran yang Allah SWT sediakan kepada hambaNya supaya sentiasa memiliki sikap kedermawanan dalam diri. Sikap ini bukan sahaja dapat membantu orang lain yang memerlukan, malahan dapat membantu diri sendiri agar berjaya di dunia dan juga di akhirat, dengan ganjaran pahala yang Allah SWT sediakan tersebut (Zulkifli al-Bakri, 2020).

Menurut Razali (2017), kedermawanan dalam Islam boleh dibahagikan kepada kedermawanan fizikal dan spiritual. Kedermawanan fizikal ini merujuk kepada sumbangan harta benda daripada seseorang individu atau kumpulan kepada orang lain yang memerlukan. Ia merangkumi sedekah wajib (zakat), sedekah umum dan sedekah berkekalan dalam wakaf.

Manakala sedekah spiritual pula adalah merangkumi amalan baik yang dilakukan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Sebagai contoh berzikir, mencegah kemungkaran, memberi nafkah pada keluarga, membantu urusan orang lain, mendamaikan orang yang berselisih, menziarahi orang sakit dan lain-lain (Razali, 2017).

Oleh itu dapat difahami bahawa, filantropi Islam merupakan bidang yang berkaitan dengan amalan kebaikan, kebajikan, bantu-membantu serta sikap kedermawanan dari satu golongan kepada golongan yang lain melalui beberapa kaedah tertentu.

## **Keamanan dan Hubungannya dengan Filantropi Islam**

Berdasarkan analisis di atas, Islam merupakan agama yang mementingkan keamanan, sehingga boleh dibuktikan dengan jelas dalam al-Quran yang memfokuskan kepada keamanan itu sendiri. Keamanan merupakan sebuah nilai yang sangat berharga bagi sesebuah negara. Tanpa keamanan, sebuah negara tidak dapat berfungsi dengan baik. Lihat sahaja negara-negara yang sedang bergolak dan dalam perang, semua sistem negara lumpuh dan jatuh merudum, baik sektor ekonomi, maupun sistem sosial dan masyarakat (Boulding, 1945; Mosley, 1985; Koubi, 2005). Tidak ketinggalan, bidang filantropi juga menerima kesan yang sama, ia tidak dapat berfungsi sebaiknya dalam menjaga kebajikan masyarakat seluruhnya. Menjaga keamanan merupakan maqasid dharuriyyah yang perlu dijaga dan dipelihara (Jasser Auda, 2007). Semua aspek maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta tidak dapat dijaga dan dipenuhi sebaiknya tanpa wujudnya sebuah negara yang aman (Faezy dan Asmak, 2020).

Begitu juga dalam bidang filantropi Islam, kajian ini mendapati ia boleh memberi kesan yang sangat signifikan dalam dua bentuk. Bentuk yang pertama; kesan kepada negara-negara yang berada dalam keadaan yang tidak aman dan bentuk yang kedua adalah kepada negara-negara yang aman. Bagi negara-negara yang ditimpa musibah ketidakamanan, bidang filantropi memerlukan suasana yang aman dan harmoni untuk melaksanakan dan meningkatkan filantropi Islam. Sebagai contoh, sebuah negara yang sedang dalam keadaan yang bergolak dan berlaku perang, orang ramai tidak dapat untuk melakukan amal kebajikan seperti memberi sedekah serta tidak dapat mengeluarkan zakat memandangkan aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan berikutan situasi yang mengundang bahaya. Akibatnya, aktiviti filantropi Islam tidak dapat berfungsi dengan baik dan tidak dapat membantu golongan yang memerlukan.

Selain itu, apabila para pembayar zakat dan penyumbang wakaf dan sedekah tidak dapat memenuhi tanggungjawab mereka akibat terkesan dengan kesan negatif negara yang tidak aman. Maka ia juga turut memberi kesan terhadap pusat-pusat zakat, wakaf dan badan kebajikan yang lain tidak dapat menyalurkan bantuan kepada orang yang memerlukan kerana kekurangan sumber pendapatan. Sebagai contoh mudah, seorang petani yang membayar zakat pertanian saban tahun, namun setelah berlakunya keadaan ketidakamanan seperti pergolakan dan perperangan di kawasan petani tersebut, beliau tidak lagi dapat mengerjakan pertaniannya. Akibatnya, beliau hilang sumber pendapatan, dan tidak dapat mengeluarkan zakat. Maka begitulah kesan buruk terhadap bidang filantropi Islam ini akibat daripada keadaan yang tidak aman.

Sebaliknya, kesan kepada negara-negara yang aman pula, bidang filantropi akan semakin aktif dan rancak dalam menjalankan aktivitinya. Sebagai contoh, dalam situasi semasa, penularan virus COVID-19 di serata dunia, negara-negara yang kurang terjejas daripada wabak tersebut berpusu-pusu menyalurkan bantuan-bantuan kepada negara-negara yang terjejas teruk. Hasilnya, bantuan-bantuan ini mengaktifkan bidang filantropi dalam sesebuah negara. Di negara Malaysia sahaja, pelbagai agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan, majlis agama Islam negeri dan pusat-pusat zakat negeri serta lain-lain agensi turut menyediakan bantuan khusus untuk membantu rakyat yang terjejas dengan kehadiran virus COVID-19. Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020), yang menyebabkan ramai rakyat negara ini terjejas dari sudut ekonomi apabila tidak dapat keluar dari rumah untuk menjalankan aktiviti ekonomi seperti kebiasaan. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor memperuntukkan RM15 juta untuk keperluan kebajikan dan perubatan (Lembaga Zakat Selangor, 2020), Bantuan Kecemasan *Musaadah Covid* oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP, 2020) dan lain-lain lagi.

Selain itu, bantuan kepada negara-negara yang sedang dalam musibah turut rancak dijalankan. Terdapat NGO-NGO (badan-badan bukan kerajaan) yang mengumpul dana bantuan khas untuk diberikan kepada negara-negara tersebut. Sebagai contoh Syria Care, Aman Palestin dan Islamic Relief Malaysia yang membantu negara-negara yang dalam kesusahan dan ditimpa musibah, seperti negara Syria, Palestin, Sudan, dan negara-negara lain yang

memerlukan. Ini menunjukkan bahawa bidang filantropi Islam akan semakin berkembang dan aktif dalam menjalankan fungsinya apabila sesebuah negara itu berada dalam keadaan yang aman dan selamat.

## **PENUTUP**

Dalam ajaran Islam dijelaskan bahawa perdamaian dan keamanan merupakan asas utama untuk menjalinkan hubungan di antara umat manusia, sedangkan perang dan pertikaian adalah sumber malapetaka yang memberi kesan yang buruk kepada segenap aspek, termasuk individu, masyarakat, negara lebih malang lagi ia juga memberi kesan kepada kemajuan agama Islam. Oleh itu, sangat penting untuk kita sama-sama menjaga keamanan dan memelihara negara.

Seterusnya, berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap lafaz *al-salām* dan *al-amn* dalam al-Quran, dapat kita fahami bahawa al-Quran membawa mesej-mesej keamanan dalam ayat al-Quran: antaranya adalah melalui perkataan atau lafaz *al-salām* dan *al-amn*. Secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang menyeru kepada keamanan dan kedamaian.

Selain itu, betapa pentingnya untuk kita sama-sama menjaga dan memelihara keamanan sesebuah negara. Tanpa keamanan, seluruh sistem filantropi Islam yang berfungsi membantu golongan yang memerlukan tidak dapat menjalankan peranan dengan sebaiknya. Sebaliknya, bidang filantropi Islam dapat memainkan peranan yang sangat baik dalam membantu serta meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan bagi negara yang aman dan harmoni.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan *University of Malaya Grand Challenge* yang bertajuk “*The Role Of Peace Towards Economics And Political Stability*” (GC001D-15HNE). Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir pimpinan ar-rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abu Mansūr, Muhammad bin Ahmad bin al-Azharī al-Harawī. (2001). *Tahzīb al-lughah*. Beirūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Jalālayn, Jalāl al-Dīn al-Mahallī & Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. (2001). *Tafsīr al-jalālayn*. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Al-Qurtubī, Abi 'Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr Tahqiq Abd Allah al-Tarākī. (2006). *Al-Jāmi' al-ahkām al-qur'an*. Beirūt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Shaukānī, Muhammad 'Ali Ibn Muhammad. (1993). *Fath al-qadīr: Al-Jāmi' bayna fan al-riwāyah wa al-dirāyah min 'ilm al-tafsīr*. Beirūt: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, Abu Ja'far Muhammad bin Jarīr. (1999). *Jāmi' al-bayān fi ta 'wīl al-qur'an*. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Boulding, K. E. (1945). *The economics of peace*. New York: Prentice-Hall.
- Crow K. D. (2013). *The concept of peace/security (salm) in Islam, war and peace in Islam: The uses and abuses of jihad*. Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre (MABDA).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faezy Adenan dan Asmak Ab Rahman (2020). Menjaga keamanan negara menurut perspektif maqasid syariah serta hubungannya dengan matlamat pembangunan lestari (Sustainable development goals): Kajian di Malaysia. *UMRAN- International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 1, 22-47.
- Ibn Kathīr, Abu al-Fidā' Ismā'īl al-Qurashiy al-Damshiqiy. (1997). *Tafsīr al-qur'an al-'azīm*. Beirūt: Dār al-Ma'rifah.

- Ibn Manzūr, Jamāluddin. (1993). *Lisān al-‘arab*. Beirūt: Dār Sadīr.
- Jasser Auda. (2007). *Maqāsid al-shari‘ah as philosophy of islamic law: A systems approach*. London: The International Institute of Islamic Thought.
- Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020). Kenyataan media MKN: perincian perintah kawalan pergerakan. Boleh dilayari: <<https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyatan-media-mkn-18-mac-2020/>>.
- Lembaga Zakat Selangor (2020). COVID-19: LZS peruntukkan RM15 juta untuk keperluan kebajikan dan perubatan. Boleh dilayari: <<https://www.zakatselangor.com.my/terkini/covid-19-lzs-peruntukkan-rm15-juta-untuk-keperluan-kebajikan-dan-perubatan/>>.
- Johnson, S. (1979). *A dictionary of the english language*. London: Times Books.
- Jumhūriyah Misr al-‘Arabiyyah. (2004). *Mu‘jam al-waṣīṭ* (4th ed.). Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dauliah.
- Koubi, V. (2005). War and economic performance. *Journal of Peace Research* 42(1), 67–82.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2020). Maklumat bantuan kecemasan #MUSAADAHCOVID19 MAIWP. Boleh dilayari: <<https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/maklumat-bantuan-kecemasan-musaadahcovid19-maiwp>>.
- Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah. (1988). *Al-Fāz al-qur’ān al-karīm*. Mesir: Al-Idārah al-‘Āmmah li al-Mu‘jamāt wa Ihya al-Thūrath.
- Miller, P. D. (2015). Islam is terrorist religion. *The Federalist*. Boleh dilayari: <<http://thefederalist.com/2015/02/26/is-islam-a-terrorist-religion/>>.

Mosley, H. (1985). *The arms race: Economic and social consequences*. Lexington, MA: Lexington Books.

Myanmar wants ethnic cleansing of Rohingya- UN official. (2016, November 24). *BBC News*. Boleh dilayari: <<http://www.bbc.com/news/world-asia-38091816>>.

Nazar Ul Islam, G. K. Sharma & Riyaz Ahmad Ganai. (2014). Peace in Islam in the light of Quran and traditions of Prophet Muhammad. *Asian Journal of Multidisciplinary Studies*, 2(1), 27-33.

Razali Othman. (2017). Konsep filantropi dalam sudut pandang Islam. Dibentangkan di Seminar Filantropi Derma-Bakti Islam: Pendekatan Korporat Dalam Konsep Wakaf. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Rohingya face Myanmar ‘ethnic cleansing’: UN official. (2016, November 25). *Al-Jazeera*. Boleh dilayari: <<https://www.aljazeera.com/news/2016/11/rohingya-face-myanmar-ethnic-cleansing-official-161125065731036.html>>.

Sayyid Qutb. (1995). *Al-Salām al-‘alami wa al-islām*. Qaherah: Dār al-Shurūq.

Youssef Mezrigui. (2015). Principles of mercy and peace in Islam. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4), 547-554.

Zulkilfi al-Bakri. (2020). Musa’adah covid-19 menyerlahkan peranan sadaqat. Boleh dilayari: <<https://zulkiflialbakri.com/al-bayan-siri-3-musaadah-covid-19-menyerlahkan-peranan-sedekah/>>.

